




KEVIN (kanan) dan Heidi Gan mengibarkan jalur gemilang dan pingat dimenangi pada Sukan SEA Indonesia.

Mahu jadi jurulatih renang

Kevin cadang buka akademi renang sendiri



JIKA SAYA BUKAN ATLET

Kevin Yeap

Oleh WAN NORIZA MEOR IDRIS
wannoriza@nstp.com.my
Kuala Lumpur

Perenang kebangsaan negara, Kevin Yeap ingin menjadi jurulatih dengan membuka akademi renang sendiri andai tidak bergelar atlet...

Soalan (S): Jika anda bukan atlet, anda mungkin seorang...

Jawapan (J): Saya menyimpan cita-cita miliki perniagaan sendiri. Lantaran itu saya memilih untuk membuka akademi renang sendiri suatu hari nanti dan impian ini bukan 'andaian', sebaliknya mesti saya usahakan.

S: Mengapa?

J: Saya sememangnya meminati bidang perniagaan malah memilih pengajian ini di Universiti Putra Malaysia (UPM) ketika ini. Sukan renang juga menjadi antara kerjaya saya sekarang maka menjadi tumpuan saya untuk mencecah ilmu kepada generasi baru dan membangunkan lagi sukan renang di Malaysia.

S: Lantaran itu, dijangka rancangan ini akan direalisasikan secepat anda tamat pe-

ngajian kelak?

J: Saya mempunyai baki tiga tahun lagi di UPM dan ya, misi ini akan menjadi kenyataan secepat saya tamat pengajian. Jika semua proses berjalan lancar kemungkinan dalam tempoh tiga tahun lagi Akademi Renang Kevin Yeap akan dibuka.

S: Berlatar-belakangkan status mahasiswa pengurusan perniagaan, pasti anda sudah menjalankan beberapa kaji selidik membuka akademi ini. Mungkin sudah ada lokasinya?

J: Benar, saya sudah melakukan beberapa kaji selidik dan merancang untuk membuka akademi ini di tempat asal saya di Ipoh, Perak.

S: Selain sukan renang, mungkin ada meminati sukan lain?

J: Saya gemar bermain snuker bersama rakan jika ada masa terluang.

KEVIN
menang pingat emas acara 400m gaya bebas lelaki di Jakabaring.



S: Jika orang tidak mengenali anda, mereka menganggap...

J: Peramah dan mudah berkawan. Namun, lucunya mereka sering melabel saya sebagai seorang yang 'macho' tetapi bukan kerana raut wajah kakak tetapi disebabkan tubuh badan saya selaku atlet renang yang bertotot.

S: Bagaimana pula dengan teman hidup, sudah ada yang punya?

J: Sudah, dia seorang yang menepati kehendak saya. Amat memahami kerjaya saya sebagai

atlet yang pada masa sama sibuk dengan tugas di universiti. Malah, dia seorang yang cantik serta atlet sukan juga.

S: Bagaimana pula dengan rancangan dalam sukan renang sekarang ini?

J: Menjadi sasaran saya untuk memburu pingat emas pada Sukan SEA Myanmar tahun ini. Selain itu, saya akan berusaha sebaik mungkin untuk menem- pah kelayakan pertama ke Sukan Olimpik Rio 2016.

BUTTERFLY CERAMIC SDN. BHD.
(627705-D)

Memiliki

999.9 Emas

Dengan pembelian sekurang-kurangnya 5000 keping genting Butterfly, anda akan memiliki seketul 999.9 Emas (5g).
(Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan)

Dari 1 Jan 2013 hingga 31 Dis 2013

www.butterflyroofing.com